

0

20 SEP 2003

Mahathir-Sweden

DR MAHATHIR BERLEPAS KE SWEDEN UNTUK LAWATAN RASMI TIGA HARI

SEPANG, 20 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali malam ini berlepas ke London sebelum meneruskan perjalanan ke Sweden bagi melakukan lawatan rasmi tiga hari ke negara itu.

Kedua-dua mereka berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini pada kira-kira pukul 11.40 malam.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah antara mereka yang turut berada di KLIA untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri dan delegasinya.

Dr Mahathir, yang akan memulakan lawatan rasmi ke Sweden pada Isnin ini berikutan undangan Perdana Menteri negara tersebut, Goran Persson, turut diiringi oleh beberapa menteri, Menteri Besar dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta wakil sektor swasta dan media.

Lawatan kali kedua Perdana Menteri ke Sweden ini, dijangka meningkatkan serta mengukuhkan lagi hubungan dua hala dan kerjasama antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir pertama kali melawat Sweden pada tahun 1985.

Semasa di sana, Dr Mahathir dijadualkan mengadakan perbincangan dua hala dengan rakan sejawatannya mengenai perkara-perkara yang mempunyai kepentingan bersama.

Selain itu, Perdana Menteri akan turut mengadap Raja Sweden King Carl XVI Gustaf.

Beliau juga akan turut melawat Institut Perubatan Karonlinska dan Kompleks Ericsson di Kista, serta menemui ketua-ketua industri Sweden dan menghadiri majlis makan malam anjuran sebuah syarikat kewangan, Investor AB.

-- BERNAMA

NJ HK ROS